

KENDERAAN hanya dapat melalui jalan di Taman Bandar Puteri, Klang selepas air banjir surut pada sebelah petang. - UTUSAN/RASMI ABDULLAH



Penduduk Bandar Puteri desak longkang, kolam tebatan banjir disenggara

Lima tahun hadapi banjir kilat

Oleh AZIAN AZIZ
kota@utusan.com.my

KLANG 28 Mac - Banjir kilat melanda lagi Taman Bandar Puteri semalam. Dalam setahun, beberapa kali bencana alam itu dihadapi oleh kira-kira 600 penduduk di situ.

Tetapi banjir kilat semalam adalah yang paling teruk melanda taman perumahan itu sehingga ada kereta penduduk yang dimasuki air.

Puncanya, kata mereka, longkang utama dan kolam tebatan

banjir yang terletak bersebelahan perumahan mereka tidak disenggara dan kurang dalam untuk menampung air yang banyak apabila hujan.

Sehubungan itu, mereka mendesak pihak berkenaan menjalankan tanggungjawab mereka menyenggara longkang utama dan kolam tebatan banjir berdekatan pula dikorek lebih dalam bagi mengelak kejadian banjir kilat seperti yang berlaku pagi semalam tidak berulang.

Penduduk mendakwa telah berhadapan dengan masalah ban-

jir kilat sejak mula menetap di perumahan itu lima tahun lalu tetapi pihak yang berkenaan masih gagal menyelesaikan masalah tersebut walaupun banyak laporan telah dibuat.

Sejak mula menetap di perumahan itu, mereka mendakwa telah mengalami banyak kerugian harta benda apabila kediaman dan kadang-kala kereta mereka dimasuki air banjir. Kawasan yang paling teruk dinaiki air adalah Lorong Kerongsang 10 yang menempatkan hampir 100 buah rumah teres dua tingkat.

Seorang penduduk, James Surin, 49, berkata, setiap kali hujan lebat pasti rumahnya dimasuki air dan kejadian paling teruk ialah pada pagi semalam.

Pekerja sebuah syarikat utiliti itu mendakwa, masalah banjir kilat ini mungkin akibat pembinaan kolam tebatan banjir di belakang kawasan perumahan mereka selain projek pembinaan berdekatan yang menyebabkan pengaliran air di longkang utama tidak lancar.

"Saya bimbang jika masalah ini tidak diatasi segera banjir kilat yang lebih buruk akan berlaku. Banjir pagi ini adalah yang paling teruk kerana sehingga petang ini masih belum surut sepenuhnya.



JAMES SURIN



TAN YONG PU



P. CHANDRAN

Biasanya air akan surut lebih cepat.

"Hari ini dapur saya dimasuki air, kalau malam ini hujan lagi tak tahulah esok bagaimana," katanya ketika ditemui di taman itu petang semalam.

Jirannya, Tan Yong Pu, 28, pula berkata, sejak menetap di perumahan itu, sudah tiga kali kereta dan rumahnya dimasuki banjir. Dia juga menanggung kerugian akibat kerosakan harta benda.

"Bayangkan kami beli rumah di kawasan ini dengan harga yang tinggi tetapi masih berhadapan depan masalah banjir. Kami rasa tertipu," luahnya.

Seorang lagi penduduk, P. Chandran, 43, pula kesal dengan sikap pemimpin negeri yang ha-

nya datang melawat tetapi selepas pulang tidak bersungguh-sungguh membantu menyelesaikan masalah mereka.

"Semasa datang janji macam-macam, tetapi mereka tidak serius membantu dan mengotakan janji," ujarinya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Perikatan Prihatin Malaysia, N. Alagan berkata, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan perlu mencari penyelesaian segera bagi mengatasi masalah banjir di seluruh negeri ini.

"Tidak cukup hanya datang melawat dan bagi hamper kepada mangsa banjir. Mereka perlu merangka jalan penyelesaian dan melaksanakannya agar masalah banjir kilat ini selesai," tambahnya.



PENDUDUK menunjukkan keadaan Lorong Kerongsang yang dinaiki air banjir kilat yang berlaku kelmarin.